



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA  
(MOTAC)**

**LAPORAN  
INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI MALAYSIA  
(IKPM)  
TAHUN 2023**

## **KANDUNGAN**

### **PENGENALAN**

Latar Belakang  
Tujuan, Hala Tuju dan Kepentingan Kajian

### **METODOLOGI KAJIAN**

Reka Bentuk Kajian  
Populasi Dan Sampel Kajian  
Alat Kajian  
Konseptual Kajian/Model  
Kesahan Dan Kebolehpercayaan IKPM  
Pengiraan Skor Indeks  
Pengiraan Komposit  
Kaedah Interpretasi

### **DAPATAN KAJIAN**

Skor Indeks 2023  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Jantina  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Bangsa  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Umur  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Status Perkahwinan  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Kumpulan Perkhidmatan  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Jenis Perkhidmatan  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Kumpulan Perkhidmatan  
Profil Skor Indeks Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan

### **CADANGAN PROGRAM DAN LIMITASI KAJIAN**

### **PENUTUP**

### **RUJUKAN**

# PENGENALAN

## LATAR BELAKANG

Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) adalah cetusan daripada keperluan mengukur tahap kesejahteraan psikologi rakyat di Malaysia. Kewujudannya adalah selaras dengan amalan terbaik negara-negara maju dalam menentukan kemakmuran negara. Kemakmuran negara seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara maju dunia telah diukur berdasarkan tiga indikator utama iaitu kesejahteraan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kesejahteraan psikologi. Negara-negara maju yang terlibat dalam kajian kesejahteraan psikologi atau *subjective wellbeing* ini adalah seperti Australia, Jerman, United Kingdom, Switzerland dan Amerika Syarikat.

IKPM menjadi penanda aras dalam usaha mengenalpasti dan mewujudkan intervensi dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi rakyat dan khususnya penjawat awam. Dapatan kajian ini dirangka menjadi penanda aras kepada keperihatinan kerajaan menangani isu kesejahteraan psikologi. Ia juga memberi maklumat berguna berhubung apa intervensi bersesuaian yang dapat dirancang bagi meningkatkan kesejahteraan.

Mengambil kira pandangan sarjana dan tinjauan literatur, pembangunan IKPM mendefinisikan kesejahteraan psikologi sebagai gabungan pendekatan *hedonic* dan *eudaimonic* yang merangkumi kesejahteraan emosi (positif dan negatif), kepuasan hidup, kefungisian psikologi dan kesejahteraan sosial.

## TUJUAN, HALA TUJU & KEPENTINGAN KAJIAN

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungisian psikologi dan kesejahteraan sosial; dan
- ii. Melihat perbezaan tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan faktor demografi;

Hala tuju strategik kajian ini adalah:-

- i. Mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam bagi membantu kerajaan dalam membangun dan membentuk dasar yang bersesuaian dengan keperluan penjawat awam;
- ii. Menyediakan profil kesejahteraan psikologi rakyat Malaysia sebagai indikator untuk kemakmuran dan kesejahteraan negara; dan
- iii. Indikator pelengkap kepada kesejahteraan menyeluruh yang merangkumi kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial (infrastruktur).

Pelaksanaan kajian IKPM mampu memberi impak positif kepada penjawat awam dalam aspek-aspek berikut:

- i. Sebagai indikator penanda aras kepada tahap kemakmuran negara dalam konteks global;
- ii. Intervensi dalam bentuk aktiviti, program atau dasar yang menyeluruh dan tepat berdasarkan data yang diperolehi;
- iii. Sebagai indikator amalan terbaik (*best practice*) negara maju; dan
- iv. Mengenalpasti kelompok sasaran yang signifikan bagi melaksanakan polisi yang bersesuaian.

# METODOLOGI KAJIAN

## REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif ini dijalankan bagi mendapatkan nilai indeks tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga kementerian dan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya (MOTAC). Data dalam kajian ini diperolehi daripada responden melalui soal selidik *google.docs* kepada emel responden kementerian dan agensi. Melalui soal selidik ini responden diminta untuk membuat penilaian sejauh mana tahap kesejahteraan psikologi individu dalam 5 aspek domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsiian psikologi dan kesejahteraan sosial.

## POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian melibatkan warga kementerian dan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya (MOTAC). Jumlah populasi yang telah menjawab kajian ini adalah seramai 1,134 orang. Taburan lengkap responden adalah seperti dalam Carta 1 dan Jadual 1.

**CARTA 1**  
**Taburan Responden Kementerian dan Agensi**



**JADUAL 1**  
**Taburan Responden Kementerian dan Agensi**

BIL	AGENSI	N	EP	EN	KH	KS	KP	INDEKS
1	MOTAC	409/634	7.68	3.45	6.89	7.17	7.98	7.25
2	ASWARA	27/188	7.03	3.87	6.50	6.89	7.79	6.87
3	IB	86/184	7.73	3.66	7.18	7.28	8.21	7.35
4	JKKN	137/333	7.62	3.47	6.76	7.37	8.16	7.29
5	JAB. WARISAN	122/185	7.65	3.55	6.95	7.27	8.03	7.27
6	BSN	17/127	7.68	3.76	7.13	6.99	8.10	7.23
7	TM	108/777	7.64	3.45	7.00	7.33	8.44	7.39
8	KRAF	228/626	7.64	3.38	7.21	7.45	8.14	7.41

**JADUAL 2**  
**Taburan Responden Mengikut Demografi**

Pemboleh Ubah	Demografi	Jumlah	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	502	44.3
	Perempuan	632	55.7
Bangsa	Melayu	1,011	89.2
	Cina	12	1.1
	India	8	0.7
	Bumiputera Sabah	63	5.6
	Bumiputera Sarawak	30	2.6
	Lain-lain	10	0.9
Umur	<30	99	8.7
	30 - 40	480	42.3
	41 - 50	448	39.5
	> 50	105	9.8
Status Perkahwinan	Bujang	214	18.9
	Berkahwin	865	76.3
	Duda	11	1.0
	Janda	39	3.4
	Balu	5	0.4
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Atasan	2	0.2
	Pengurusan & Profesional	264	23.3
	Sokongan I	817	72.0

	Sokongan II	51	4.5
Jenis Perkhidmatan	Persekutuan	693	61.1
	Badan Berkanun	425	37.5
	Negeri	16	1.4
Skim Perkhidmatan	Gunasama	623	54.9
	Bukan Gunasama	511	45.1
Tempoh Perkhidmatan	< 1	51	4.5
	1 - 10	266	23.5
	11 - 20	606	53.4
	21 - 30	175	15.4
	31 - 40	30	2.6
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,134</b>	<b>100</b>

### ALAT KAJIAN

IKPM mengandungi 36 item yang terdiri daripada Bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A dan B mengandungi 10 soalan yang menggambarkan perasaan dalam tempoh 4 minggu yang lepas menggunakan skala *likert* (0 Tidak Pernah dan 10 Sangat Kerap). Bahagian C dan D mengandungi 5 soalan, manakala Bahagian E mengandungi 6 soalan yang menggambarkan pengalaman responden berdasarkan skala *likert* (0 Sangat Tidak Bersetuju dan 10) Sangat Setuju. Soal selidik penuh boleh dirujuk di Lampiran A.

### MODEL IKPM

Model IKPM seperti di Rajah 2 adalah merupakan hasil gabungan pendekatan *hedonic* (Diener et al, 1985 & 2010) dan *eudaimonic* (Ryff, 1989 & 2006; Keyes 1998, 2008) yang telah dijelaskan di dalam Buku Konsep IKPM 2018 (JPA, 2018). IKPM adalah berdasarkan lima (5) domain iaitu Domain Emosi Positif, Domain Emosi Negatif, Domain Kepuasan Hidup, Domain Kefungsian Psikologi dan Domain Kesejahteraan Sosial.



## RAJAH 1 Domain IKPM



### KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN IKPM

Memandangkan item-item dalam soal selidik ini merupakan adaptasi daripada (Diener et al 1985 & 2010; Ryff, 1989 & 2006; Keyes 1998, 2008), maka kaedah *Alpha Cronbach* telah digunakan untuk menguji kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*) soal selidik yang digunakan bagi melihat aras ketekalan dalaman (*internal consistency*). Skor .7 ke atas biasanya merupakan nilai Alpha yang boleh diterima sebagai penunjuk kuatnya kebolehpercayaan domain yang dinilai (Burke, 1993). Jadual 2 menunjukkan kesahan konstruk IKPM dinilai berdasarkan *Confirmatory Factor Analysis*. Model IKPM berasaskan 5 faktor merupakan model pengukuran yang menunjukkan nilai *fit indices* yang terbaik berbanding model lain. Jadual 3 menunjukkan nilai *factor loading* item yang digunakan dalam IKPM. Kebolehpercayaan IKPM ditunjukkan melalui *Alpha Cronbach*, *Average Variance Extracted (AVE)* dan *Composite reliability (CR)*.



**JADUAL 3**  
**Construct Validity IKPM**

	RMSEA	TLI	CFI	Chisq/df
<b>1 Factor</b>	.154	.656	.678	10.189
<b>2 Factor</b>	.141	.710	.729	8.745
<b>3 Factor</b>	.137	.728	.747	8.266
<b>5 Factor</b>	.074	.921	.928	3.101

### **PENGIRAAN SKOR INDEKS**

Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia menggunakan skor 10 sebagai skor maksimum dan skor 0 sebagai skor minimum

### **PENGIRAAN FOMULA IKPM**

$$\text{Skor Indikator} = \frac{M_1 - M_2}{R} \times 10$$

$$\text{Skor Domain} = \sum \frac{\text{Skor Indikator}}{\text{Indikator } N}$$

$$\text{Skor Indeks} = \sum \frac{\text{Skor Domain}}{N \text{ Domain}}$$

Indikator

$\Sigma$  = Jumlah

$M_1$  = Min Skor

$M_2$  = Skala Minimum

R = Julat (Skala Maksimum – Skala Minimum)


N = Bilangan

10 = Jangkaan nilai yang diperolehi

**JADUAL 4**  
**Skor Domain IKPM MOTAC Tahun 2023**

BIL.	DOMAIN	SKOR
1.	Emosi Positif (EP)	7.65
2.	Emosi Negatif (EN)	3.48
3.	Kepuasan Hidup (KH)	6.97
4.	Kefungsian Psikologi (KP)	8.10
5.	Kesejahteraan Sosial (KS)	7.27

**CARTA 2**  
**Skor Domain IKPM MOTAC Tahun 2023**



**PENGIRAAN KOMPOSIT**

$$\begin{aligned}
 \text{Indeks Komposit} &= (\text{Mean EP} + (10 - \text{Mean EN}) + \text{Mean KH} + \text{Mean KP} + \text{Mean KS}) / \text{Jumlah Domain} \\
 &= (7.65 + (10 - 3.48) + 6.97 + 8.10 + 7.27) / 5 \\
 &= \underline{\underline{7.30}}
 \end{aligned}$$

## KAEDAH INTERPRETASI

Pemarkahan bagi setiap skor indeks yang diperolehi akan ditafsirkan mengikut interpretasi yang telah ditetapkan. Jadual 5 menerangkan interpretasi bagi skor yang diperolehi.

**JADUAL 5**  
**Kaedah Interpretasi Tahap Kesejahteraan**


Skor (1 - 10)	TAHAP KESEJAHTERAAN
10 - 8	Tinggi
7 - 5	Sederhana
4 - 0	Rendah

## DAPATAN KAJIAN

### SKOR INDEKS 2023

Skor IKPM Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada tahun 2023 adalah 7.30. Dapatan ini ditunjukkan di Rajah 2.

**RAJAH 2**  
**Skor Indeks Keseluruhan IKPM Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya (MOTAC)**



Dapatan ini menunjukkan, kesejahteraan psikologi warga MOTAC berada di tahap sederhana iaitu dengan skor komposit 7.30. Domain skor yang paling tinggi adalah kefungsiian psikologi iaitu 8.10. Diikuti skor 7.65 bagi domain emosi positif, domain kesejahteraan sosial dengan skor 7.27 dan domain kepuasan hidup pada skor 6.97. Manakala, skor domain emosi negatif pula adalah yang paling rendah berbanding dengan domain-domain lain iaitu 3.48.

**JADUAL 6**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Jantina**

BIL.	DOMAIN	SKOR	
		LELAKI	PEREMPUAN
1	Emosi Positif	7.61	7.68
2	Emosi Negatif	3.42	3.53
3	Kepuasan Hidup	6.97	6.97
4	Kesejahteraan Sosial	7.58	7.03
5	Kefungsian Psikologi	8.20	8.02
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>7.39</b>	<b>7.23</b>
	<b>N =</b>	<b>502</b>	<b>632</b>

**CARTA 3**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Jantina**




Berdasarkan Jadual 6 dan Carta 3, dapatan menunjukkan tiada perbezaan ketara antara skor indeks komposit lelaki dan perempuan secara keseluruhannya. Perempuan menunjukkan skor yang tinggi dalam emosi positif dan emosi negatif. Manakala kaum lelaki pula mempunyai skor yang tinggi dalam kefungsian psikologi, dan kesejahteraan sosial.



**JADUAL 7**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Bangsa**

BIL	DOMAIN	SKOR					
		MELAYU	CINA	INDIA	B. SABAH	B. SARAWAK	LAIN-LAIN
1	Emosi Positif	7.66	8.13	6.45	7.78	7.29	7.42
2	Emosi Negatif	3.46	2.61	3.83	3.53	4.28	3.39
3	Kepuasan Hidup	7.00	7.73	4.90	6.78	6.73	6.34
4	Kesejahteraan Sosial	7.28	7.87	5.10	7.46	7.21	6.90
5	Kefungsian Psikologi	8.10	8.47	7.63	8.16	8.00	7.57
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>7.32</b>	<b>7.92</b>	<b>6.05</b>	<b>7.33</b>	<b>6.99</b>	<b>6.97</b>


**CARTA 4**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Bangsa**



Berdasarkan Jadual 7 dan Carta 4, dapatan bagi indeks berdasarkan bangsa menunjukkan skor komposit bagi kaum Cina adalah paling tinggi dan kaum India menunjukkan skor komposit yang paling rendah. Semua bangsa menunjukkan skor tinggi bagi domain kefungsian psikologi dan emosi positif. Bagi emosi negatif kaum

bumiputera sarawak menunjukkan skor domain paling tinggi dan paling rendah adalah kaum Cina. Semua kaum menunjukkan skor yang tinggi bagi kefungsiian psikologi.

**CARTA 5**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Umur**



**JADUAL 8**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Umur**

BIL.	DOMAIN	SKOR			
		<30	30-40	41-50	>50
1	Emosi Positif	7.29	7.54	7.76	8.05
2	Emosi Negatif	3.81	3.73	3.35	2.52
3	Kepuasan Hidup	6.56	6.84	7.04	7.70
4	Kesejahteraan Sosial	6.68	7.09	7.42	8.03
5	Kefungsiian Psikologi	7.73	7.98	8.17	8.67
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>6.89</b>	<b>7.14</b>	<b>7.41</b>	<b>7.99</b>
	<b>N =</b>	<b>99</b>	<b>480</b>	<b>448</b>	<b>105</b>




Berdasarkan Carta 5 dan Jadual 8, skor indeks berdasarkan kumpulan umur pula menunjukkan skor komposit bagi penjawat awam yang berusia lebih 50 tahun adalah paling tinggi, diikuti dengan kelompok umur 41–50 tahun, 30–40 tahun dan seterusnya kelompok bawah 30 tahun. Keputusan ini menunjukkan semakin tinggi umur seorang penjawat awam, semakin tinggi kesejahteraan psikologi yang dimiliki.

Responden kumpulan umur lebih 50 tahun mempunyai skor yang tinggi dalam semua domain kecuali domain emosi negatif. Berbeza bagi kumpulan umur kurang 30 tahun mempunyai skor yang rendah dalam semua domain.

Bagi responden kumpulan umur 30-40 tahun dan 41-50 tahun mempunyai skor tinggi bagi kefungsiian psikologi.

**CARTA 6**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Status Perkahwinan**



**JADUAL 9**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Status Perkahwinan**


BIL	DOMAIN	SKOR				
		BUJANG	BERKAHWIN	BALU	JANDA	DUDA
1	Emosi Positif	7.33	7.74	9.38	7.22	7.08
2	Emosi Negatif	3.71	3.39	1.00	4.30	4.24
3	Kepuasan Hidup	6.68	7.09	8.96	6.16	5.35
4	Kesejahteraan Sosial	7.02	7.33	8.24	7.17	7.31
5	Kefungsian Psikologi	7.89	8.14	9.40	8.05	8.24
	<b>KOMPOSIT</b>	7.04	7.38	9.00	6.86	6.75
	<b>N =</b>	214	865	5	39	11

Berdasarkan Carta 6 dan Jadual 9, dapatan bagi status perkahwinan menunjukkan skor komposit bagi penjawat awam yang berstatus balu adalah paling tinggi, diikuti dengan mereka yang berstatus berkahwin, bujang, janda dan duda. Responden yang berstatus janda dan berkahwin paling tinggi bagi skor domain kefungsian psikologi. Bagi berstatus balu paling tinggi bagi skor domain emosi positif di antara semua kumpulan status perkahwinan. Skor domain emosi negatif yang paling tinggi bagi yang berstatus janda.

**JADUAL 10**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Kumpulan Perkhidmatan**

BIL.	DOMAIN	SKOR			
		PENGURUSAN ATASAN	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN 1	SOKONGAN 2
1	Emosi Positif	8.55	7.62	7.64	7.81
2	Emosi Negatif	1.45	3.58	3.50	2.76
3	Kepuasan Hidup	9.00	6.99	6.94	7.30
4	Kesejahteraan Sosial	9.50	7.39	7.20	7.71
5	Kefungsian Psikologi	9.08	8.20	8.05	8.20
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>8.94</b>	<b>7.33</b>	<b>7.27</b>	<b>7.65</b>
	<b>N =</b>	<b>2</b>	<b>264</b>	<b>817</b>	<b>51</b>

**CARTA 7**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Kumpulan Perkhidmatan**






Berdasarkan Jadual 10 dan Carta 7, skor indeks bagi kumpulan perkhidmatan pula menunjukkan skor komposit yang berada di peringkat Pengurusan Atasan mempunyai skor paling tinggi, diikuti dengan Sokongan 2, kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan 1. Kumpulan Pengurusan Atasan menunjukkan skor yang tinggi bagi domain kesejahteraan sosial dan kefungsiian psikologi.

Manakala kumpulan perkhidmatan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan 2 mendapat skor yang sama bagi domain kefungsiian psikologi. Domain emosi negatif pula menunjukkan skor yang tinggi bagi kumpulan perkhidmatan Pengurusan dan Profesional.

**JADUAL 11**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Jenis Perkhidmatan**

BIL.	DOMAIN	SKOR		
		BADAN BERKANUN	NEGERI	PERSEKUTUAN
1	Emosi Positif	7.56	7.08	7.71
2	Emosi Negatif	3.61	3.94	3.39
3	Kepuasan Hidup	7.05	6.40	6.94
4	Kesejahteraan Sosial	7.29	6.33	7.28
5	Kefungsiian Psikologi	8.09	7.18	8.12
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>7.28</b>	<b>6.61</b>	<b>7.33</b>
	<b>N =</b>	<b>425</b>	<b>16</b>	<b>693</b>

**CARTA 8**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Jenis Perkhidmatan**



Berdasarkan Jadual 11 dan Carta 8, dapatan skor indeks jenis perkhidmatan pula menunjukkan skor komposit Persekutuan berada pada skor yang tertinggi, diikuti dengan Badan Berkanun dan Negeri. Jenis perkhidmatan Persekutuan menunjukkan skor yang tinggi bagi domain kefungsiian psikologi dan emosi positif.

Manakala Perkhidmatan Negeri menunjukkan skor emosi negatif yang paling tinggi berbanding dengan jenis perkhidmatan yang lain. Domain kepuasan hidup menunjukkan skor paling tinggi bagi perkhidmatan Badan Berkanun.



**CARTA 9**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Skim Perkhidmatan**



**JADUAL 12**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Skim Perkhidmatan**

BIL.	DOMAIN	SKOR	
		BUKAN GUNASAMA	GUNASAMA
1	Emosi Positif	7.57	7.71
2	Emosi Negatif	3.56	3.42
3	Kepuasan Hidup	6.92	7.02
4	Kesejahteraan Sosial	7.39	7.18
5	Kefungsian Psikologi	8.10	8.10
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>7.28</b>	<b>7.32</b>
	<b>N =</b>	<b>511</b>	<b>623</b>

Berdasarkan Carta 9 dan Jadual 12, menunjukkan indeks komposit skim perkhidmatan gunasama lebih tinggi daripada skim bukan gunasama. Skim perkhidmatan gunasama mendapat skor yang tinggi bagi domain emosi positif dan kepuasan hidup

Bagi domain kefungsian psikologi kedua-dua skim perkhidmatan mendapat skor yang sama. Manakala bagi domain kesejahteraan sosial dan emosi negatif skim perkhidmatan bukan gunasama mendapat skor yang tinggi.

**JADUAL 13**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan**

BIL.	DOMAIN	SKOR				
		<1 TAHUN	1 – 10 TAHUN	11 – 20 TAHUN	21 – 30 TAHUN	31 – 40 TAHUN
1	Emosi Positif	7.61	7.30	7.67	7.97	8.47
2	Emosi Negatif	3.40	3.74	3.58	2.91	2.48
3	Kepuasan Hidup	6.67	6.65	6.99	7.35	7.87
4	Kesejahteraan Sosial	7.27	6.94	7.25	7.72	8.12
5	Kefungsian Psikologi	7.84	7.87	8.09	8.42	8.87
	<b>KOMPOSIT</b>	7.20	7.00	7.29	7.71	8.17
	<b>N =</b>	51	266	606	175	30

**CARTA 10**  
**Profil Skor Indeks Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan**





Berdasarkan Jadual 13 dan Carta 10, dapatan skor indeks bagi tempoh perkhidmatan pula menunjukkan skor komposit yang telah berkhidmat antara 31-40 tahun adalah paling tinggi, diikuti dengan responden yang berada di kelompok 21-30 tahun, 11-20 tahun, bawah 1 tahun dan 1-10 tahun. Jika dibandingkan mengikut domain pula, didapati kumpulan responden yang berkhidmat 31-40 tahun mendominasi semua domain yang diukur dengan menunjukkan skor yang paling tinggi.

Manakala kumpulan responden yang berkhidmat 1-10 tahun menunjukkan skor yang paling rendah dalam domain emosi negatif dan paling tinggi untuk domain kefungsiian psikologi. Kumpulan responden dalam tempoh perkhidmatan 31-40 tahun pula menunjukkan skor yang paling rendah bagi domain emosi negatif di antara semua kumpulan tempoh perkhidmatan.

## **CADANGAN PROGRAM DAN LIMITASI KAJIAN**

### **CADANGAN PROGRAM**

1. Menyediakan program psikopendidikan bagi mengekalkan kesejahteraan di kalangan warga kementerian, jabatan dan agensi.
2. Menyediakan hebahan kepada warga kementerian, jabatan dan agensi berkenaan kepentingan kesejahteraan psikologi dalam kehidupan seharian.

### **LIMITASI KAJIAN**

Secara keseluruhannya seramai 1,134 responden yang menjawab kajian ini tetapi ia tidak mewakili populasi warga di kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOTAC. Indeks komposit IKPM pada tahun 2022 adalah sebanyak 6.84 (sederhana). Ia menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 sebanyak 7.30 (sederhana).

Indeks komposit di peringkat kebangsaan pada tahun 2022 adalah sebanyak 7.05 (sederhana) meningkat pada tahun 2023 sebanyak 7.58 (sederhana).

Hebahan melalui emel telah dilaksanakan kepada semua warga kementerian dan agensi di bawah MOTAC untuk menjawab kajian ini. Tetapi kajian ini tidak mendapat maklum balas sepenuhnya daripada warga kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOTAC.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan bahawa warga dan agensi dibawah kementerian menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana iaitu pada tahap 7.30 skor daripada 10. Tahap ini perlu ditambahbaik jika negara berhasrat untuk melahirkan rakyat yang berdaya saing, berkualiti dan bahagia. Selain itu, melalui dapatan yang ditunjukkan, perbezaan antara kumpulan yang wujud boleh dijadikan indikator pelaksanaan intervensi dan dasar yang menjurus kepada tujuan meningkatkan elemen-elemen kesejahteraan psikologi dalam kalangan penjawat awam.

IKPM adalah indikator yang menunjukkan keperluan usaha bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi penjawat awam melalui usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang. Kementerian ini berhasrat untuk melihat peningkatan indeks penjawat awam pada tahap yang lebih baik iaitu skor lebih daripada 8 ke atas dalam masa 3 tahun akan datang. Sasaran ini adalah untuk memastikan Malaysia mempunyai penjawat awam yang berdaya saing dan mempunyai ketekalan yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup.

Bagi mencapai hasrat ini pelbagai inisiatif dan dasar baharu sedang dirancang dan disasar untuk dilaksanakan bermula tahun ini oleh Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Antaranya adalah cadangan untuk mewujudkan satu dasar yang bertujuan menjaga kesejahteraan penjawat awam sepanjang perkhidmatan mereka. Membangunkan profil penjawat awam bagi mengenalpasti individu atau kelompok yang memerlukan intervensi psikologi dengan tepat.

Selain daripada itu, Unit Pengurusan Psikologi (UPP), MOTAC juga akan melaksanakan program bagi meningkatkan kesedaran warga kementerian dan agensi di bawah MOTAC terhadap kesejahteraan psikologi penjawat awam.

## **RUJUKAN**

Buku Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, 2018.

Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat Perkhidmatan Awam, 2018.

Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat Perkhidmatan Awam, 2019.

Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat Perkhidmatan Awam, 2020.

Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat Perkhidmatan Awam, 2021.

Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat Perkhidmatan Awam, 2022.

Laporan Keterlibatan Pekerja Perkhidmatan Awam 2019, Jabatan Perkhidmatan Awam.

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI MALAYSIA (IKPM)

TAHUN 2023

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SEMAKAN DAN ULASAN

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

DISOKONG / ~~TIDAK DISOKONG~~

Catatan:

---

---

---



.....  
(SHAFARIN BIN NASUREDIN)  
SUB (PSM)

Tarikh: 28/11/2023

KEPUTUSAN

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

DILULUSKAN / ~~TIDAK DILULUSKAN~~


Catatan:

1. Kesejahteraan perlu ditingkatkan.
2. Can kaedah untuk tingkatkan keseronokan bekerja & vedha kerentumannya.



.....  
(DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT)  
TKSU (P)

Tarikh: 5-12-2023




**PEMBENTANGAN DAPATAN  
INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA**



**TAHUN 2023**

# TUJUAN PEMBENTANGAN

Memaklumkan dapatan IKPM  
Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya  
2023





# PENGENALAN



- Kesejahteraan psikologi amat penting kepada individu dan mempunyai implikasi yang besar dalam mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal seseorang (IKPM, 2018).
- Keupayaan seseorang dalam mengurus kesejahteraan psikologi diri boleh membantu individu tersebut menjalani kehidupan yang lebih baik.
- Dalam konteks pekerjaan pula ia bermaksud individu mempunyai keseimbangan dalam kehidupan personal dan pekerjaan.
- Manakala dalam kalangan kumpulan pekerja pula keseimbangan ini seterusnya akan membantu dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan yang tinggi.

# PENGENALAN



- Kepentingan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pekerja turut digambarkan melalui kajian 'The Future of Wellness at Work' oleh Globe Wellness Institute tahun 2016.
- Apa yang diperolehi melalui kajian ini adalah bahawa peningkatan kos sebanyak berbillion Dollar setahun terpaksa ditanggung oleh kerajaan disebabkan peningkatan kes penyakit kronik, stres pekerjaan, ketidakhadiran dan produktiviti kerja yang menurun (IKPM,2018).

# TUJUAN



- ◆ Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:
  - i) Mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsiian psikologi dan kesejahteraan sosial.
  - ii) Melihat perbezaan tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan faktor demografi.

# HALA TUJU



Mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam bagi membantu kerajaan dalam membangun dan membentuk dasar yang bersesuaian dengan keperluan penjawat awam.

Menyediakan profil kesejahteraan psikologi penjawat awam sebagai indikator untuk kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Indikator pelengkap kepada kesejahteraan menyeluruh yang merangkumi kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial (infrastruktur).



# KEPENTINGAN KAJIAN



- ◆ Pelaksanaan kajian IKPM mampu memberi impak positif kepada penjawat awam dalam aspek-aspek berikut:
  - 1** Sebagai indikator penanda aras kepada tahap kemakmuran negara dalam konteks kesejahteraan menyeluruh.

Pelan/garis panduan kesejahteraan psikologi penjawat awam dapat diwujudkan.
  - 2** Mengenalpasti komponen & sasaran yang signifikan bagi melaksanakan polisi yang bersesuaian.
  - 3** Mengenalpasti kelompok sasaran yang signifikan bagi melaksana polisi yang bersesuaian.
  - 4** Sebagai indikator amalan terbaik (*best practice*) negara maju.
  - 5** Mengenalpasti kelompok sasaran yang signifikan bagi melaksana polisi yang bersesuaian.



# 5

## DOMAIN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI



Penilaian terhadap emosi, perasaan dan mood positif, elok dan menyenangkan misalnya gembira, ceria dan senang hati (Diener et al., 2018).

### EMOSI POSITIF



Penilaian terhadap emosi, perasaan dan mood yang negatif, tidak elok dan tidak menyenangkan misalnya murung, sedih, dan bimbang (Diener et al., 2018).

### EMOSI NEGATIF



Penilaian kognitif seseorang terhadap kualiti kehidupannya secara global (global judgements) berdasarkan kriteria atau faktor yang dianggap relevan oleh individu tersebut (Diener et al., 2018)

### KEPUASAN HIDUP



Penilaian terhadap kefungsian dan reaksi individu dalam konteks sosial (Sharpiro & keyes, 2008) yang digambarkan melalui sumbangan sosial, penglibatan dalam komuniti, positif terhadap perkembangan masyarakat, berpandangan baik terhadap orang lain dan boleh memahami apa yang berlaku dalam masyarakat (keyes, 1998).



### KESEJAHTERAAN SOSIAL

Penilaian terhadap kefungsian psikologi (keyes, 2007; Jayawickreme et al., 2012), yang digambarkan melalui penerimaan sendiri berupaya mengurus tanggungjawab harian, mempunyai perhubungan yang positif, ada peningkatan diri, autonom dan memiliki makna dan tujuan hidup (Ryff, 1989).

### KEFUNGSIAN PSIKOLOGI





# DEMOGRAFI RESPONDEN IKPM (MOTAC)



**JANTINA**

**1,134**

**RESPONDEN**



**44.3%**


**55.7%**



# DEMOGRAFI RESPONDEN IKPM (MOTAC)



## JENIS PERKHIDMATAN




## SKIM PERKHIDMATAN




# DEMOGRAFI RESPONDEN IKPM (MOTAC)



KUMPULAN PERKHIDMATAN




AGAMA



# DEMOGRAFI RESPONDEN IKPM (MOTAC)




## TAHAP PENDIDIKAN




# DEMOGRAFI RESPONDEN IKPM (MOTAC)



## BANGSA




## STATUS PERKAHWINAN






# SKOR KESELURUHAN MOTAC TAHUN 2023




## SKALA



\*Emosi Negatif adalah item reverse


**N= 1,134**

PERBANDINGAN DAPATAN IKPM 2020-2023  
MOTAC






# PERBANDINGAN DAPATAN IKPM MENGIKUT JABATAN/AGENSI 2023



  
**PERBANDINGAN DAPATAN IKPM 2020-2023**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN**





# INDEKS MENGIKUT JANTINA



**N = 502**

SKOR	DOMAIN	SKOR
7.61	EMOSI POSITIF	7.68
3.42	EMOSI NEGATIF	3.53
6.97	KEPUASAN HIDUP	6.97
7.58	KESEJAHTERAAN SOSIAL	7.03
8.20	KEFUNGSIAN PSIKOLOGI	8.02
7.39	KOMPOSIT	7.23



**N = 632**

## INDEKS MENGIKUT UMUR



BIL.	DOMAIN	SKOR			
		<30	30-40	41-50	>50
1	Emosi Positif	7.29	7.54	7.76	8.05
2	Emosi Negatif	3.81	3.73	3.35	2.52
3	Kepuasan Hidup	6.56	6.84	7.04	7.70
4	Kesejahteraan Sosial	6.68	7.09	7.42	8.03
5	Kefungsian Psikologi	7.73	7.98	8.17	8.67
	<b>KOMPOSIT</b>	6.89	7.14	7.41	7.99
	<b>N =</b>	99	480	448	105

## INDEKS MENGIKUT AGAMA



BIL	DOMAIN	SKOR			
		ISLAM	KRISTIAN	HINDU	BUDDHA LAIN-LAIN
1	Emosi Positif	7.67	7.40	6.45	7.47
2	Emosi Negatif	3.46	3.88	3.83	3.50
3	Kepuasan Hidup	6.99	6.67	4.90	7.47
4	Kesejahteraan Sosial	7.29	7.22	5.10	7.16
5	Kefungsian Psikologi	8.11	8.00	7.63	8.06
	<b>KOMPOSIT</b>	7.32	7.08	6.05	7.33
	<b>N =</b>	<b>1,070</b>	<b>41</b>	<b>8</b>	<b>11</b>
					<b>4</b>



# INDEKS MENGIKUT BANGSA



BIL	DOMAIN	SKOR					
		MELAYU	CINA	INDIA	B. SABAH	B. SARAWAK	LAIN-LAIN
1	Emosi Positif	7.66	8.13	6.45	7.78	7.29	7.42
2	Emosi Negatif	3.46	2.61	3.83	3.53	4.28	3.39
3	Kepuasan Hidup	7.00	7.73	4.90	6.78	6.73	6.34
4	Kesejahteraan Sosial	7.28	7.87	5.10	7.46	7.21	6.90
5	Kefungsian Psikologi	8.10	8.47	7.63	8.16	8.00	7.57
	<b>KOMPOSIT</b>	7.32	7.92	6.05	7.33	6.99	6.97
	<b>N =</b>	1,011	12	8	63	30	10

# INDEKS MENGIKUT STATUS PERKAHWINAN



BIL	DOMAIN	SKOR				
		BUJANG	BERKAHWIN	BALU	JANDA	DUDA
1	Emosi Positif	7.33	7.74	9.38	7.22	7.08
2	Emosi Negatif	3.71	3.39	1.00	4.30	4.24
3	Kepuasan Hidup	6.68	7.09	8.96	6.16	5.35
4	Kesejahteraan Sosial	7.02	7.33	8.24	7.17	7.31
5	Kefungsian Psikologi	7.89	8.14	9.40	8.05	8.24
	<b>KOMPOSIT</b>	7.04	7.38	9.00	6.86	6.75
	<b>N =</b>	214	865	5	39	11



# INDEKS MENGIKUT TAHAP PENDIDIKAN



BIL.	DOMAIN	SKOR								
		SEKOLAH RENDAH	PMR	SPM/ SETARA	STPM/ SETARA	SUJIL KEMAHIRAN	DIPLOMA	IJAZAH SARJANA MUDA	SARJANA	PHD
1	Emosi Positif	6.03	7.86	7.61	7.83	8.05	7.70	7.56	7.57	8.70
2	Emosi Negatif	3.63	2.18	3.52	3.27	2.80	3.37	3.76	3.39	1.25
3	Kepuasan Hidup	6.55	7.39	7.01	7.18	7.71	7.05	6.77	6.81	8.90
4	Kesejahteraan Sosial	6.30	7.54	7.22	7.29	8.17	7.22	7.26	7.37	9.30
5	Kefungsian Psikologi	7.08	8.21	7.99	8.21	8.64	8.08	8.11	8.14	9.25
	KOMPOSIT	6.47	7.76	7.26	7.45	7.96	7.34	7.18	7.30	8.98
	N =	4	17	242	121	23	295	348	82	2

# INDEKS MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN

BIL.	DOMAIN	SKOR			
		PENGURUSAN ATASAN	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	SOKONGAN SOKONGAN II
1	Emosi Positif	8.55	7.62	7.64	7.81
2	Emosi Negatif	1.45	3.58	3.50	2.76
3	Kepuasan Hidup	9.00	6.99	6.94	7.30
4	Kesejahteraan Sosial	9.50	7.39	7.20	7.71
5	Kefungsian Psikologi	9.08	8.20	8.05	8.20
<b>KOMPOSIT</b>		<b>8.94</b>	<b>7.33</b>	<b>7.27</b>	<b>7.65</b>
<b>N =</b>		<b>2</b>	<b>264</b>	<b>817</b>	<b>51</b>



# INDEKS MENGIKUT TEMPOH PERKHIDMATAN



BIL.	DOMAIN	SKOR				
		<1 TAHUN	1 – 10 TAHUN	11 – 20 TAHUN	21 – 30 TAHUN	31 – 40 TAHUN
1	Emosi Positif	7.61	7.30	7.67	7.97	8.47
2	Emosi Negatif	3.40	3.74	3.58	2.91	2.48
3	Kepuasan Hidup	6.67	6.65	6.99	7.35	7.87
4	Kesejahteraan Sosial	7.27	6.94	7.25	7.72	8.12
5	Kefungsian Psikologi	7.84	7.87	8.09	8.42	8.87
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>7.20</b>	<b>7.00</b>	<b>7.29</b>	<b>7.71</b>	<b>8.17</b>
	<b>N =</b>	<b>51</b>	<b>266</b>	<b>606</b>	<b>175</b>	<b>30</b>



## INDEKS MENGIKUT JENIS PERKHIDMATAN

BIL.	DOMAIN	SKOR		
		BADAN BERKANUN	NEGERI	PERSEKUTUAN
1	Emosi Positif	7.56	7.08	7.71
2	Emosi Negatif	3.61	3.94	3.39
3	Kepuasan Hidup	7.05	6.40	6.94
4	Kesejahteraan Sosial	7.29	6.33	7.28
5	Kefungsian Psikologi	8.09	7.18	8.12
	<b>KOMPOSIT</b>	<b>7.28</b>	<b>6.61</b>	<b>7.33</b>
	<b>N =</b>	<b>425</b>	<b>16</b>	<b>693</b>

## INDEKS MENGIKUT NEGERI



BIL	NEGERI	N	EP	EN	KH	KS	KP	INDEKS
1	JOHOR	16	7.93	3.11	6.89	7.55	8.34	7.52
2	KEDAH	36	7.37	3.35	6.91	6.97	7.64	7.11
3	KELANTAN	13	7.51	2.92	7.52	7.69	7.85	7.53
4	MELAKA	19	7.08	3.92	6.61	7.51	7.87	7.03
5	N. SEMBILAN	25	8.28	3.13	7.79	7.75	8.59	7.86
6	PAHANG	40	7.20	3.53	6.55	7.17	7.49	6.98
7	PERAK	23	8.41	2.68	7.49	7.46	8.46	7.83
8	PERLIS	24	7.59	3.35	7.13	7.68	8.39	7.49



## INDEKS MENGIKUT NEGERI



BIL	NEGERI	N	EP	EN	KH	KS	KP	INDEKS
9	PULAU PINANG	28	7.14	4.33	6.58	7.06	7.80	6.85
10	SABAH	48	7.93	2.91	7.23	7.88	8.59	7.74
11	SARAWAK	56	7.61	3.32	7.11	7.43	8.26	7.42
12	SELANGOR	67	8.00	3.34	7.28	7.70	8.23	7.58
13	TERENGGANU	18	7.70	3.14	6.76	8.03	8.44	7.56
14	WP KUALA LUMPUR	484	7.55	3.70	6.90	7.12	8.01	7.18
15	WP LABUAN	8	7.15	3.78	6.05	7.55	7.75	6.95
16	WP PUTRAJAYA	229	7.78	3.31	6.97	7.15	8.20	7.36



## INDEKS MENGIKUT AGENSI



BIL	AGENSI	N	EP	EN	KH	KS	KP	INDEKS
1	MOTAC	409/634	7.68	3.45	6.89	7.17	7.98	7.25
2	ASWARA	27/188	7.03	3.87	6.50	6.89	7.79	6.87
3	IB	86/184	7.73	3.66	7.18	7.28	8.21	7.35
4	JKKN	137/333	7.62	3.47	6.76	7.37	8.16	7.29
5	JAB. WARISAN	122/185	7.65	3.55	6.95	7.27	8.03	7.27
6	BSN	17/127	7.68	3.76	7.13	6.99	8.10	7.23
7	TM	108/777	7.64	3.45	7.00	7.33	8.44	7.39
8	KRAF	228/626	7.64	3.38	7.21	7.45	8.14	7.41

## INDEKS MENGIKUT BIDANG TUGAS



BIL	BIDANG TUGAS	N	EP	EN	KH	KS	KP	INDEKS
1	BAKAT & SENI	239	7.58	3.65	6.92	7.49	8.19	7.31
2	EKONOMI	163	7.56	3.50	6.87	7.39	8.10	7.28
3	KEJURUTERAAN	54	8.04	3.16	7.56	7.69	8.47	7.72
4	KEMAHIRAN	34	7.93	3.06	7.39	7.52	8.26	7.61
5	KEWANGAN	73	7.76	3.31	6.79	6.75	7.99	7.19
6	PENDIDIKAN	5	9.02	2.48	8.12	9.12	9.23	8.60
7	PENDIDIKAN & SOKONGAN	59	7.79	4.07	6.49	6.91	7.85	6.99
8	PENGANGKUTAN	2	8.00	2.35	7.40	7.70	8.08	7.77
9	PENTADBIRAN	229	7.51	3.54	7.04	7.13	8.01	7.23

## INDEKS MENGIKUT BIDANG TUGAS



BIL	BIDANG TUGAS	N	EP	EN	KH	KS	KP	INDEKS
10	PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN	2	8.65	3.65	7.60	7.10	8.50	8.24
11	PERUNDANGAN & KEHAKIMAN	7	7.49	3.31	5.89	7.20	7.38	6.93
12	SISTEM MAKLUMAT	33	7.95	2.62	7.47	7.33	8.26	7.68
13	SOSIAL	131	7.54	3.55	6.79	7.27	7.98	7.20
14	SUMBER MANUSIA	72	7.72	3.32	7.17	7.19	8.08	7.37
15	TADBIR & DIPLOMATIK	31	7.78	3.39	6.99	6.89	8.18	7.29

# SYOR



1. Menyediakan program psikopendidikan bagi mengekalkan kesejahteraan di kalangan warga kementerian, jabatan dan agensi.
2. Menyediakan hebahan kepada warga kementerian, jabatan dan agensi berkenaan kepentingan kesejahteraan psikologi dalam kehidupan seharian.